

UniMAP Megah Di Ambang Kemerdekaan Ke 51

Pada 30 Ogos 2008 Kontinjen UniMAP yang terdiri daripada Kontinjen Staf UniMAP, PALAPES dan SUKSIS telah menyertai acara Perbarisan sempena Menyambut Ulang Tahun Kemerdekaan Ke-51 Peringkat Negeri Perlis. Barisan kontinjen staf UniMAP seramai 40 orang yang terdiri daripada pelbagai jawatan dan jabatan. Seramai 168 Kontinjen dari seluruh negeri telah mengambil bahagian dalam acara Perbarisan Sempena Kemerdekaan. Kontinjen UniMAP kali ini bertemakan 'alam' diserikan dengan hiasan lampu-lampu yang dipasang di pakaian telah menarik perhatian semua pengunjung dan pengadil. Persaingan kali ini amat sengit kerana semua kontinjen yang mengambil bahagian telah bersungguh-sungguh berlatih kawad hampir sebulan bagi dinobatkan Johan pertandingan kawad Kemerdekaan Ke-51 peringkat negeri. Ternyata kontinjen-kontinjen lain tidak dapat menyaingi kemantapan Kontinjen UniMAP kerana sekali lagi berjaya dinobatkan sebagai Johan Pertandingan Kawad Kemerdekaan bagi Kategori Badan Berkanun 2008. Bagi kategori Badan Beruniform pula, Kor SUKSIS UniMAP telah dinobatkan sebagai johan dan tempat ketiga adalah PALAPES UNiMAP.